



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAY KUALA, EHRAL, PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

7 DISEMBER 2022 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

7 DISEMBER 2022 (RABU)

Sistem kupon beli minyak masak paket subsidi 1kg

KPDNKSJ cadang perkenal kaedah bagi bantu golongan B40, IKS

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKSJ) bercadang memperkenalkan sistem kupon kepada golongan B40 dan peniaga industri kecil dan sederhana (IKS) membeli minyak masak paket satu kilogram (kg) bersubsidi.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata perkara itu akan dibincangkan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam masa terdekat.

Beliau berkata, sekiranya cadangan ini dipersetujui, baharu ia dapat dilaksanakan dengan meneliti dan mengemaskini data golongan yang layak menikmati program ini.

Katanya, ketika sesi libat urus dengan peserta industri minyak masak dan wakil Persatuan Pengilang Minyak Masak Malaysia semalam, mereka turut bersetuju mengekalkan pengeluaran 60,000 tan minyak masak sebulan untuk dijual dalam paket 1kg.

"Dalam sesi libat urus hari ini, Lembaga Minyak Sawit



Salahuddin (kiri) mempengerusikan Seisi Libat Urus Menteri bersama MPOB dan Pemain Industri Minyak Masak di Putrajaya, semalam.
(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Malaysia (MPOB) juga membentangkan cadangan harga dua peringkat (2-tiered pricing) membabitkan harga jualan dalam negara dan luar negara, termasuk polisi dan mekanisme pelaksanaannya," katanya selepas Seisi Libat Urus Menteri bersama MPOB dan Pemain Industri Minyak Masak, semalam.

Seisi libat urus semalam turut dihadiri Ketua Setiausaha KPDNKSJ, Datuk Azman Mohd Yusof.

Ia bertujuan mengenali lebih dekat peserta industri, memahami permasalahan serta mendapatkan data penting sebelum

dasar serta gerak kerja yang inovatif dapat dibangunkan dalam meningkatkan prestasi industri ini di samping membantu kerajaan dalam menangani kos sara hidup rakyat.

Masih kekurangan bekalan

Salahuddin berkata, kementerian sedia maklum isu bekalan minyak masak paket bersubsidi satu kilogram masih berkurangan dalam pasaran, termasuk di kawasan pedalaman.

Beliau berkata, kementerian akan meneliti sama ada isu kekurangan bekalan minyak masak ini membabitkan ketirisan

atau disalah guna.

Pada masa sama, peserta industri sawit seperti Sime Darby, Lam Soon dan FGV Felda yang menyertai sesi libat urus itu, memberi input positif terhadap impak harga siling bergerak, harga minyak masak bersubsidi dan harga minyak masak terpakai terhadap bekalan di pasaran.

"Ia sangat berguna dan akan dicerakin dengan lebih terperinci sebelum sesuatu keputusan dan polisi baharu dibangunkan supaya situasi menang-menang dapat dihasilkan untuk pengilang, peniaga dan pengguna," katanya.

Cadang laksana sistem kupon minyak masak subsidi

PUTRAJAYA - Cadangan untuk melaksanakan sistem kupon bagi minyak masak subsidi kemasan polibeg satu kilogram (kg) akan dibawa ke mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) minggu depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, langkah tersebut merupakan antara usaha bagi memastikan subsidi minyak masak dapat dinikmati oleh golongan B40 dan M40.

"Ia sekali gus dapat membanteras ketirisan dan bekalan minyak masak di pasaran," katanya selepas mempengerusikan libat urus bersama pemain industri di kementeriananya pada Selasa.

Menurutnya, cadangan tersebut turut meliputi pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) yang memerlukan minyak masak polibeg.

"Bukan hanya kepada isi rumah golongan sasar tetapi kita juga akan kenal pasti pengusaha IKS seperti penjual pisang goreng, warung, pengusaha kantin dan kedai yang aktif," jelasnya.

Dalam pada itu, Salahuddin memaklumkan pemain industri sedia berbincang mengenai pelaksanaan harga minyak masak dua peringkat yang turut akan dibawa ke mesyuarat NACCOL.

"Pelaksanaan harga minyak masak dua peringkat yang akan diperincikan ini mengambil kira semua aspek," ujarnya.

CAP gesa segera atasi isu bekalan telur

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengesahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKS) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyelesaikan segera masalah kekurangan bekalan telur ayam.

Gesaan itu berikutan dakwaan kebanyakan peniaga runcit dan pasar awam mengalami kesukaran mendapatkan bekalan telur sejak dua bulan lalu.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata keadaan itu sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kekurangan bekalan sumber protein termurah berkenaan pada masa hadapan.

"Tinjauan CAP mendapati telur ayam masih ada di pasar awam dan kedai runcit sekitar Gelugor, Bayan Baru, Jelutong dan Batu Lanchang.

"Bagaimanapun, peniaga runcit mendakwa sukar bagi mereka mendapat bekalan kerana kuantiti diterima daripada pemborong adalah kurang berbanding peniaga di pasar," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mohideen berkata, selain kekurangan telur ayam, CAP juga mendapati ada peniaga yang menjual telur segar gred rendah seperti Gred A dan B sebagai Te-

lur Premium (gred AA) yang dijual pada harga 66 sen sebiji.

Sebagai rujukan, telur Gred A sudah ditetapkan pada 45 sen sebiji, manakala telur Gred B sebanyak 43 sen.

"Sehubungan itu, CAP mengesahkan KPDNKS menyiasat perkara ini kerana golongan berpendapatan sederhana akan terjejas teruk akibat kenaikan harga barang.

"Tindakan segera perlu diambil bagi mengurangkan dan mengawal harga semua barangan," katanya lagi.

Mohideen berkata, Pasukan Petugas Khas Jihad Melawan Inflasi baru-baru ini sudah mengenal pasti kos makanan ayam yang tinggi sebagai punca terhadap kekurangan bekalan telur ayam.

"Jadi, mengapa mereka tidak berunding dengan penternak ayam lebih awal dan mengambil tindakan pembaikan?"

"Sekiranya penternak ayam sudah memberi maklum balas, adakah Pasukan Petugas berkenaan berbincang dengan pengeluar makanan tempatan tentang cara menghasilkan makanan yang lebih murah menggunakan sisa isirong sawit, memandangkan kos makanan adalah isu utama yang menjadi pertikaian?" katanya.

Peniaga runcit mendakwa sukar bagi mereka mendapat bekalan kerana kuantiti diterima daripada pemborong adalah kurang berbanding peniaga di pasar



Mohideen Abdul Kader,
Presiden CAP

Bukan umum harga telur

Menteri hanya umum langkah import telur bagi menampung bekalan pasaran

Oleh **MOHAMMAD KHAJIRIL ASHRAF MOHD KHALID SHAH ALAM**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengenal pasti beberapa sumber dari luar untuk menampung keperluan bekalan telur ayam dalam negara dengan kadar segera untuk pelan jangka pendek.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar itu bukan untuk menekan pengusaha industri tempatan sebaliknya bagi memastikan bekalan dalam negara tidak terputus dan kebajikan rakyat terjaga.

"Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula setelah bekalan kembali stabil.

"Saya juga telah meminta ketua setiausaha kementerian untuk melihat impak mengimport dari sumber luar kepada industri telur ayam tempatan sedia ada dan Agrobank untuk mengemukakan cadangan bagi membantu

pembekal serta pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu, Mohamad menambah, kementeriannya juga sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi menjamin bekalan telur ayam negara kembali stabil dengan harga yang kompetitif.

"Kementerian yakin isu kekurangan bekalan telur ayam dapat diselesaikan dalam masa terdekat dengan kerjasama pelbagai pihak," ujarnya.

Ahli Parlimen Kota Raja itu juga



MOHAMAD SABU

memberi jaminan bahawa telur ayam yang diterima dari sumber luar itu selamat daripada penyakit dan menepati piawaian ditetapkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub sebelum ini mengakui bahawa negara sedang berdepan masalah ketiadaan telur di pasaran.

Katanya, ketiadaan stok mencetuskan keresahan kepada rakyat selain merencatkan pertumbuhan ekonomi kerana banyak kegiatan perniagaan memerlukan bahan mentah itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang akhbar selepas mesyuarat pertama kabinet memaklumkan pihaknya sudah berbincang dan Mohamad akan mengumumkan harga telur ayam yang lebih rendah pada Selasa.

Bagaimanapun, dalam kenyataan yang dikeluarkan Mohamad tidak ada menyebut mengenai harga telur ayam yang dijanjikan lebih rendah itu.

Tangani segera isu bekalan telur

Peniaga runcit dan pasar awam dakwa sukar dapatkan bekalan telur sejak dua bulan lalu



GEORGETOWN

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKKSH) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyelesaikan masalah kekurangan bekalan telur ayam segera.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, hasil tinjauan pihaknya mendapati, kebanyakan peniaga runcit dan pasar awam mendakwa sukar untuk mendapatkan bekalan telur sejak dua bulan lalu.

Menurutnya, perkara itu menimbulkan



MOHIDEEN

kebimbangan dalam kalangan pengguna berikutan telur ayam merupakan sumber protein termurah di pasaran.

"Tinjauan CAP mendapati telur ayam masih terdapat di pasar awam dan kedai runcit di sekitar Gelugor, Bayan

Baru, Jelutong dan Batu Lanchang.

"Bagaimanapun, peniaga runcit mendakwa sukar untuk mereka mendapatkan bekalan kerana kuantiti yang diterima daripada pemborong adalah kurang berbanding peniaga di pasar," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Kata beliau, selain kekurangan telur ayam, CAP juga mendapati ada peniaga yang menjual telur segar gred rendah sebagai telur gred premium.

"Kita dapat ada peniaga yang menjual telur Gred A dan B sebagai telur premium (gred AA) pada harga 66 sen sebiji, sedangkan harga telur Gred A ditetapkan pada 45 sen sebiji dan Gred B, 43 sen.

"Sehubungan itu, CAP menggesa Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyalut perkara ini kerana golongan berpendapatan sederhana akan terjejas teruk akibat kenaikan harga barang," tambahnya.

Sementara itu, di SEREMBAN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKKSH) Negeri Sembilan memberi jaminan bekalan telur ayam di negeri ini mencukupi walaupun terdapat permintaan dan pembelian yang tinggi kebelakangan ini.

Pengarahnya, Muhammad Zahir Mazlan berkata, pihaknya mengambil maklum kenyataan pengguna media sosial berhubung kesukaran mendapatkan bekalan telur ayam di beberapa tempat di Negeri Sembilan.



Kerajaan dan kementerian berkaitan diminta menangani segera isu bekalan telur.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM8.99
• Daging Lembu Tempatan	RM38
• Daging Lembu Import	RM55.90
• Telur Gred A	RM12.75
• Ikan Kembung	RM13
• Minyak Masak	RM6.70
• Gula Pasir	RM2.80
• Bawang Besar Holland	RM3.50
• Bawang Putih	RM5.00
• Cili Merah	RM8.00
• Kubis Tempatan	RM2.99
• Tepung Gandung	RM3.38

*Harga (RM/Kg) Sumber: KPDNKH

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 DISEMBER 2022

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Dec	Two-tier pricing system, coupons for packet cooking oil to be discussed next week, says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/12/06/two-tier-pricing-system-coupons-for-packet-cooking-oil-to-be-discussed-next-week-says-salahuddin	THESTAR
7-Dec	2-tier pricing system, coupons proposed for cooking oil	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/12/06/2-tier-pricing-system-coupons-proposed-for-cooking-oil/	FMT
7-Dec	Salahuddin meeting stakeholders to discuss cooking oil subsidies	https://www.themalaysianinsight.com/s/415768	THEMALAYSIANINSIGHT
7-Dec	Teliti polisi harga dua peringkat minyak masak – Salahuddin	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/12/teliti-polisi-harga-dua-peringkat-minyak-masak-salahuddin/	UM
7-Dec	Penetapan harga minyak masak dua peringkat sedang diusahakan - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/penetapan-harga-minyak-masak-dua-peringkat-sedang-diusahakan-salahuddin-395486%3famp=1	ASTROAWANI
7-Dec	Sistem kupon beli minyak masak paket subsidi 1kg	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1036121/sistem-kupon-beli-minyak-masak-paket-subsidi-1kg	BH
7-Dec	Kerajaan teliti cadangan harga minyak masak dua peringkat	https://www.kosmo.com.my/2022/12/06/kerajaan-teliti-cadangan-harga-minyak-masak-dua-peringkat/	KOSMO
7-Dec	Cadang laksana sistem kupon minyak masak subsidi	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/234921	SH

7-Dec	Salahuddin jamin harga dan bekalan minyak masak diberi perhatian	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/52560-salahuddin-jamin-harga-dan-bekalan-minyak-masak-diberi-perhatian	BERITARTM
7-Dec	Tangani isu minyak masak, Salahuddin bertemu pemain industri	https://gerbangpost.com/tangani-isu-minyak-masak-salahuddin-bertemu-pemain-industri/	GERBANGPOST
7-Dec	Sistem harga dua peringkat, kupon pembelian minyak paket dibincang minggu depan	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2145459	BERNAMA
7-Dec	Sistem kupon untuk beli minyak masak paket	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/912208/sistem-kupon-untuk-beli-minyak-masak-pek	HM
7-Dec	Kupon minyak paket dibincang minggu depan, kata menteri	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/415759	THEMALAYSIANINSIGHT
7-Dec	Cadangan sistem kupon minyak masak paket dibawa ke mesyuarat NACCOL minggu depan	https://www.buletintv3.my/nasional/cadangan-sistem-kupon-minyak-masak-pek-dibawa-ke-mesyuarat-naccol-minggu-depan/	BULETINTV3
7-Dec	KPDNKSJ cadang guna kupon beli minyak masak paket subsidi 1kg	https://www.google.com/amp/s/www.malakatribunenews.com/2022/12/kpdnksh-cadang-guna-kupon-beli-minyak-masak-paket-subsidi-1kg/amp/	MALAKATTRIBUNE
7-Dec	Beli minyak masak paket subsidi 1kg mungkin guna sistem kupon	https://malaysiadateline.com/beli-minyak-masak-paket-subsidi-1kg-mungkin-guna-sistem-kupon/	MALAYSIADATELINE
7-Dec	Kerajaan Bakal Import Telur. Sistem Kupon Minyak Masak Paket Mungkin Diperkenalkan	https://malaysiagazette.com/2022/12/06/kerajaan-bakal-import-telur-sistem-kupon-minyak-masak-paket-mungkin-diperkenalkan-mgflash/	MALAYSIAGAZETTE

7-Dec	Sistem harga dua peringkat, kupon pembelian minyak peket dibincang minggu depan	https://www.utusanborneo.com.my/2022/12/06/sistem-harga-dua-peringkat-kupon-pembelian-minyak-peket-dibincang-minggu-depan	UMBORNEO
7-Dec	Sistem harga dua peringkat, kupon pembelian minyak peket dibincang minggu depan – Salahuddin	https://mediavariasi.com/2022/12/sistem-harga-dua-peringkat-kupon-pembelian-minyak-peket-dibincang-minggu-depan-salahuddin/	MEDIAVARIASI
7-Dec	Tak ambil pendekatan terburu-buru selesai isu bekalan makanan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/12/1036225/tak-ambil-pendekatan-terburu-buru-selesai-isu-bekalan-makanan	BH
7-Dec	Tangani kos sara hidup tinggi	https://sarawakvoice.com/2022/12/07/tangani-kos-sara-hidup-tinggi/	SARAWAKVOICE
7-Dec	Domestic trade minister to meet industry players tomorrow on egg, cooking oil shortage	https://www.theborneopost.com/2022/12/05/domestic-trade-minister-to-meet-industry-players-tomorrow-on-egg-cooking-oil-shortage/	THEBORNEOPOST
7-Dec	Jualan murah berkala akan diteruskan - Salahuddin Ayub	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jualan-murah-berkala-akan-diteruskan-salahuddin-ayub-395487	ASTROAWANI
7-Dec	Jualan murah berkala akan diteruskan - Salahuddin	https://fb.watch/hfAenQcoSL/	FB

7-Dec	Bekalan telur ayam mencukupi di Negeri Sembilan : KPDNKSH	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/234913	SH
7-Dec	Bekalan telur ayam cukup di Negeri Sembilan	https://www.kosmo.com.my/2022/12/06/bekalan-telur-ayam-mencukupi-di-negeri-sembilan/	KOSMO
7-Dec	Tangani segera isu bekalan telur – CAP	https://www.kosmo.com.my/2022/12/06/tangani-segera-isu-bekalan-telur-cap/	KOSMO
7-Dec	Harga telur turun ke tidak?	https://bit.ly/3BjeHGT	SH